

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 17 BILANGAN 47 RABU 22HB. NOBEMBER, 1972. 1392 رابو 15 شوال PERCHUMA

D.Y.M.M. BERANGKAT MELAWAT KAMPONG2 DI-ULU BELAIT

ULU BELAIT. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah berangkat melawat ke-empat buah kampung di-Ulu Belait pada hari Khamis lepas.

Duli Yang Maha Mulia yang berangkat dengan sa-buah helikopter AMDB telah di-iringi oleh Pegawai Daerah Belait, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Omar, Pemerintah Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei, Colonel Dato B.F.L. Rooney, Juru-iring awam baginda, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Pengiran Anak Chuchu, Juru-iring tentera baginda, Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Asgar Diraja Major Gauntlett dan Major Dato Mohammed bin Haji Daud.

Baginda dan rombongan mula2 melawat ka-Kampung Bukit Sawat di-mana baginda dan rombongan di-sambut oleh Penghulu Orang Kaya Indera Perkasa Awang Shari bin Karim dan Penolong Pegawai Daerah Belait, Awang Yahya bin Haji Harris.

Di-Balai Raya di-mana penduduk2 kampung itu berhimpun, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah menerima ikrar ta'at setia dari Penghulu kampung tersebut, dan chendera mata yang berupa sa-puchok meriam tembaga dan tandok rusa.

Dari sana, Baginda dan rombongan berangkat pula ka-Labi di-mana baginda dan rombongan di-sambut oleh Pegawai Pemerintah Pulis Daerah Belait, Dato V.E. Pike, Penghulu Orang Kaya Laila Setia Awang Razali bin Mohammed Yusof dan Penolong Pegawai Daerah Belait, Awang Jaya bin Abdul Latif.

Sa-bilangan besar penduduk2 kampung telah berhimpun di-Balai Raya untuk menyambut ketibaan baginda.

Sa-lepas satu istiadat menyembah, baginda telah di-hadiahkan satu chenderamata sa-puchok meriam tembaga.

(Lihat muka 8)



Keberangkatan D.Y.M.M. ka-rumah panjang di-Rampayoh telah di-sambut dengan adat orang2 Iban. Gambar atas menunjukkan adat mengucapkan selamat datang di-langsungkan oleh tuai rumah panjang tersebut dan anak2 buah-nya.

31 orang lulus dari berbagai pengajian di-seberang laut

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 31 orang penuntut dan Pegawai2 di-Jabatan Pelajaran telah lulus dalam berbagai kursus dan berbagai ijazah dari Maktab2 dan Universiti2 di-Malaysia Barat dan United Kingdom pada pertengahan tahun ini.

Tiga orang dari penuntut2 itu telah lulus dari Maktab Teknologi Mara (Mara Institute of Technology) dengan mendapat Diploma dalam Perniagaan, Pentadbiran dan Perusahaan Tanaman (Planting Industry).

Sembilan orang mendapat Sijil Setiausaha/Stenography. Dua orang dari penuntut2 itu ada-lah dari Maktab Teknologi Mara dan yang lain2-nya dari beberapa Maktab di-United Kingdom.

Sa-ramai 19 orang lagi telah menamatkan berbagai kursus dan yang lain-nya mendapat Diploma dan Ijazah dari Maktab2 dan Universiti2 di-United Kingdom.

Mereka ia-lah Awang Yacob bin Sunny telah mendapat Diploma mengenai Penggambaran filem (Film Production); Dayangku Siti Meriam binte

Pengiran Haji Metussin mendapat Diploma dalam Pengurusan (Management); Dyg. Mordiah binte Zakiah mendapat Diploma dalam Pentadbiran Awam dan Awang Abdul Rahim bin Latif mendapat Diploma Tertinggi Kebangsaan (Higher National Diploma) dalam Pengajian Perdagangan.

(Lihat muka 8)

Maseh ada peluang untuk menyertai Cheramah Belia

BANDAR SERI BEGAWAN. — Waki2 dari lebih 40 buah persatuan belia dan kebajikan di-seluruh negeri telah mendaftarkan nama untuk menghadhiri Cheramah Belia yang akan di-adakan pada 1hb. Disember hadapan.

Cheramah kali yang kedua di-anjarkan oleh Jabatan Kebajikan itu akan di-adakan di-Pusat Belia

mulai jam 8.00 pagi.

Pengawas Persatuan2 Belia, Pengiran Tuah bin Pengiran Md. Daud menyatakan bahawa tarikh penerimaan nama2 wakil akan dilanjutkan sa-hingga 23hb. Nobember, 1972.

Beliau berkata beberapa orang pegawai kanan kerajaan akan diundang untuk memberikan cheramah dalam majlis itu.

Antara cheramah yang akan disampaikan dalam majlis itu ia-lah Pentadbiran Negara dan peranan belia dalam pembangunan negara, tugas2 Jabatan Masyarakat terhadap masyarakat dan negara, keselamatan dan bahaya subversib terhadap belia dan masyarakat.

**MENDERMA-LAH KAPADA
 TABONG PEMBINAAN STADIUM**

"MALAM BAHASA" AKAN DI-ADAKAN DI-PUSAT BELIA PADA 9HB. DIS.

BANDAR SERI BEGAWAN. — 'MALAM BAHASA' mengandungi acara2 menarik yang pertama kali di-anjarkan oleh Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa akan dapat di-saksikan pada 9hb. Disember depan di-Dewan Pusat Belia Bandar Seri Begawan mulai jam 7.30 malam.

Malam Bahasa yang di-anjarkan oleh Jabatan itu buat kali ini akan lebih menyakinkan terhadap penggunaan bahasa Melayu sa-chara khusus kepada orang2 yang bukan Melayu.

Di-samping itu ia-nya juga bertujuan untuk menggalakan pelajar2 bukan Melayu supaya mengguna dan mengamalkan bahasa yang telah di-pelajari terutama kepada mahasiswa-rakat orang2 China khususnya.

Untuk melicinkan tujuan itu satu jawatankuasa telah pun di-bentuk di-antara-nya telah memilih Ketua Nazir Sekolah2 China, Awang Rodick Yong sa-bagai Pengerusi, sementara Nazir Bahasa Melayu Sekolah2 China dan Misi. Awang Abdullah bin Ali Hashim di-pilih sa-bagai Setia Usaha.

Malam Bahasa yang hanya terbuka kepada semua sekolah2 China dan Misi di-seluruh negeri mengandungi peraduan2 yang di-beri tajuk 'CHEPAT DAPAT' (Quiz Bahasa) dan Sharahan2.

Peraduan Chepat Dapat mengandungi unsur2 untuk menguji kebolehan dan kecekapan mereka dalam siri2 sejarah Negeri Brunei, pengetahuan bahasa, pengetahuan am dan sokan.

Peraduan Sharahan juga akan di-adakan pada malam itu. Tiap2 peserta hanya di-benarkan memilih salah satu tajuk berikut:

1. Mengapa saya belajar Bahasa Melayu
2. Bahasa Melayu Bahasa Peraduan
3. Jauh Perjalanan luas pandangan
4. Perkembangan Pelajaran di-Negeri Brunei dan
5. Berniaga itu ada lebih baik dari makan gaji. Panjang sharahan di-antara tiga hingga empat minit.

Malam Bahasa itu juga akan di-penuhi dengan tarian2 persembahan dari Sekolah Chung Ching Seria, Chetradra persembahan Sekolah Chung Hwa Bandar Seri Begawan, nyanyian2 dari Sekolah2 dari Sekolah2 Misi dan penyanyi2 undangan tempatan.

15 orang guru hadhiri kursus

BANDAR SERI BEGAWAN. — Saramai 15 orang guru dari sekolah2 rendah Melayu, Inggeris dan China sekarang menghadiri kursus mengajar bahasa Inggeris di-Sekolah Melayu Dato Gandhi.

Dua belas dari mereka dari sekolah2 Melayu Bahagian Brunei Satu, dua dari sekolah persediaan Inggeris Sengkuring dan Maktab SOAS dan sa-orang dari sekolah Chung Hwa di-Bandar Seri Begawan.

Kursus tersebut di-rasmikan oleh guru besar Sekolah Melayu Dato Gandhi Che'gu Abdul Wahab bin Haji Nayan.

Kursus tersebut di-kekolakan oleh Awang M. Williamson serta di-bantu oleh empat orang guru bimbingan yang di-ketuai oleh Awang Ismail bin Opak.

Kursus yang di-anjarkan oleh Jabatan Pelajaran itu di-jadualkan berakhir pada 30hb. Norember.

Dua orang di-chalunkan untuk Ketua Kg. Tanah Jambu

TANAH JAMBU. Penduduk2 di-Kampung Tanah Jambu-Salar di-Daerah Brunei dan Muara telah menchalonkan Awang Haji Karim bin Akim dan Awang Idris bin Juma'at bagi memenohi jawatan ketua kampung di-kawasan itu.

Penchalunan itu di-jalankan di-sekolah Melayu Tanah Jambu pada hari Sabtu dan di-pengerusikan oleh Pegawai Daerah Brunei-Muara, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

Pengiran Dato Paduka Haji Abd. Rahman dalam ucapan-nya di-upacara itu antara

lain telah menekankan supaya tiap2 Ketua di-Kampung itu hendaklah di-pilih sa-chara jujur oleh penduduk2-nya kerana Ketua itu ada-lah sa-bagai wakil atau menjadi orang perantaraan antara penduduk2 Kampung dengan pehak Kerajaan.

Pegawai Daerah Brunei/Muara itu juga mengucapkan terima kasih kepada bekas Ketua Kampung yang telah bersara itu Awang Haji Taim bin Garip kerana jasa2-nya sa-telah berkhidmat selama 12 tahun termasuk mengarahkan anak2 buah

(Lihat Muka 6)



Tarian Njat yang di-persembahkan oleh salah sa-orang penduduk di-rumah panjang Kampung Rampaya (gambar atas) ini ada-lah acara yang menarik bagi mengalu2kan keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei apabila baginda dan rombongan melawat ka-kampung tersebut pada hari Khamis lepas.

Lebih \$400.00 di-perolehi

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perkhidmatan Bahagian Melayu Radio Brunei telah mengutip wang lebih dari \$400.00 melalui lagu2 permin-taan Hari Raya dan panggilan talipon selama tiga hari berturut2 semasa Hari Raya baru2 ini.

Pengelola Ranchangan Bahagian Melayu, Awang Abdul Wahab bin Mohamed berkata, lebih \$200.00 di-kutip dari lagu2 permintaan Hari Raya dan lebih \$200.00 lagi dari sumbangan dari panggilan talipon ucapan selamat Hari Raya.

Hanya beberapa orang sahaja lagi setakat ini yang maseh belum menjelaskan bayaran panggilan talipon dan beliau menyeru mereka supaya dapat menjelaskan dengan se-barapa segera.

Awang Abdul Wahab berkata, semua wang kutipan itu akan di-serahkan kepada Jawatan Kuasa Tabong Derma Pembinaan Stadium minggu hadapan.

Penjualan Bunga untuk kutib derma Tabong Pembinaan Stadium

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bersempena dengan pelancharan kempen Tabong Pembinaan Stadium Kelab Atomobil Brunei akan mengadakan 'Malam Pesta Kelab Atomobil', dan Penjualan Bunga, demikian di-nyatakan oleh Awang Shamsuddin bin Idris. Setiausaha Agong Kelab tersebut.

'Malam Pesta Kelab Atomobil' itu akan di-adakan pada 2hb. depan mulai jam 8.00 malam bertempat di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Seri Begawan. Tiket2 yang berharga \$5.00 dan \$3.00 boleh di-dapati dari Awang Abdullah

Zakiah beralamat di-Jabatan Laut, Awang Ali Nordi di-Pejabat Kehakiman, Awang Chong Huat Seng di-Sharikat Peniaga2 Borneo atau di-pin-tu masuk Dewan Kemasharakatan pada malam pesta itu di-adakan.

Sementara penjualan bunga akan di-lancarkan dengan kerjasama Pertubuhan Palang Merah pada 1hb. dan 2hb. depan mulai jam 9.00 pagi hingga 4.30 petang.

Sa-banyak 50 peratus kutipan berseh daripada malam pesta dan 40 peratus kutipan berseh daripada penjualan bunga akan di-dermakan ka-

pada Tabong Pembinaan Stadium.

Tiket pertama yang bernasib baik dalam chabutan pada "Malam Pesta Kelab Atomobil" akan menerima tiket tambang kapal terbang perchuma pergi dan balek ka-Hong Kong yang di-hadihkan oleh Sistem Penerbangan Malaysia atau MAS. Pemenang kedua akan menerima tiket tambang kapal terbang perchuma dari Bandar Seri Begawan ka-Singapura dan pulang yang di-hadihkan oleh Sharikat Penerbangan Singapura atau SIA. Ketiga akan menerima tiket tambang kapal terbang perchuma ka-Kota Kinabalu yang di-hadihkan oleh Sharikat Pelancongan Sarawak. Dan tiket ka-empat akan menerima satu set lampu thenatom Star Lite yang di-hadihkan oleh Sharikat Peniaga2 Borneo.

TUAN2 sedia maklom bahawa satu perkara yang di-galakan oleh Islam ia-lah "bertanggung-jawab" bagitu-lah juga Islam senentiasa menganjorkan terhadap orang2 Islam seluruh-nya supaya menanamkan "rasa tanggung-jawab" pada diri masing2, terutama tanggung-jawab untuk keselamatan dan kebaikan masyarakat dan negara.

Sifat tanggung-jawab bagi penduduk2 sa-sebuah negara ada-lah sangat penting, sa-lagi tiap2 penduduk sa-sebuah negara itu tidak mempunyai sifat tanggung-jawab maka sa-lama itu-lah negara itu tidak akan beroleh keselamatan dan kebaikan sa-bagai-mana yang di-chita2kan. Bukan hanya sa-takat meng-aku taat setia dengan lidah, tetapi tugas yang sa-benar-nya ia-lah membuktikan tanggung-jawab masing2 dengan amalan dan pekerjaan yang mendatangkan faedah dan berke-bajikan serta di-redhai Tuhan.

Di-zaman negara kita se-nang membangun ini rasa tangong-jawab itu sangat2 di-rasakan penting-nya. Guna tenaga seluruh raayat dan orang ramai negeri ini amat-lah di-perlukan bagi memban-tu Kerajaan Duli Yang Maha Mulia dalam sa-genap lapang-an. Sekira-nya raayat dan orang ramai benar2 bekerja-sama dan bertanggung-jawab mengikut lunas2 yang di-red-hai Allah, maka segala anjor-an atau ranchangan2 yang di-anjorkan oleh kerajaan untuk

kebajikan masyarakat dan ne-gara akan terlaksana dengan lebeh mudah dan lichen.

Sifat2 yang hanya banyak berchakap sia2 dari bekerja, atau hanya mementingkan diri sendiri tanpa memperdu-likan kepentingan orang2 lain dan kepentingan negara, atau merasa berat untuk melaksa-nakan arahan2 ketua2 yang

di-atas dengan membuat tin-dakan2 yang tidak wajar, se-mua-nya itu ada-lah sifat2 yang tidak bertanggung-ja-wab.

Berhubung dengan perkara ini Rasulullah s.a.w. pernah bersabda dalam sa-buah ha-dith yang panjang yang mana antara lain bermaksud: "Sa-tiap kamu ada-lah pengawal, dan sa-tiap pengawal itu ber-tanggung-jawab di-atas apa juga kawalan-nya."

Kalau kita menjadi suami, kita bertanggung-jawab terha-dap isteri dan anak2 kita. Kalau kita menjadi guru, kita bertanggung-jawab ka-atas ke-majuan dan kejayaan murid2 kita. Kalau kita menjadi peng-awal barang2, kita bertang-gong-jawab di-atas barang2 yang kita kawal. Bagitu-lah sa-terus-nya sa-tiap pegawai, sa-tiap pekerja dan sa-tiap orang ada dengan tanggung-jawab-nya masing2 yang mesti di-laksanakan dengan sa-baik2-nya dan menurut ke-mampuan sa-berapa daya upa-ya.

Allah Subhanahu-wataala sangat memuliakan orang yang bersifat tanggung-jawab kerana dari sifat ini-lah yang boleh melahirkan keselamat-an dan kebaikan sa-sebuah negara itu. Dan sa-balek-nya Allah mengutok dan benchi kapada kebinasaan dan kero-sakan kerana hal itu boleh mendatangkan huru-hara dan kebinasaan.

Firman Allah dalam surah Qasas ayat 77 yang bermak-sud: "Dan jangan-lah kamu menchari kerosakan di-atas muka bumi, sa-sungguh-nya Allah tidak suka kapada orang2 yang membuat kero-sakan".

Di-akhir2 ini ada kita men-dengar berlaku-nya kejadian2 merosakan harta benda kera-jaan saperti bal2 lampu mes-jid dan lain2 menyalah-guna-kan harta benda kerajaan pa-da bukan tempat-nya dan un-tok kepentingan2 pensid-rian dan sa-bagai-nya, semua ini ada-lah mencherminkan bahawa maseh ada gulungan orang yang tidak mempunyai rasa tanggung-jawab pada mengawal dan menjaga kese-lamatan dan kebaikan negara.

Oleh yang demikian ada-lah di-serukan supaya tuan2 akan senentiasa menanamkan dan mengamalkan rasa tang-gong-jawab itu demi untuk keselamatan dan kebaikan diri kita, masyarakat kita dan negara kita.

ISLAM MENGGALAKAN SIFAT2 BERTANGGONG-JAWAB



KHUTBAH JUMA'AT

"Bukan hanya sa-takat mengaku taat setia dengan lidah, tetapi membuktikan tanggung-jawab masing2 dengan amalan dan pekerjaan yang berfaedah"

Tiga orang di-pilih sa-bagai Pegawai Kebajikan Haji

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai tiga orang pegawai kerajaan telah di-pilih bagi jawatan pegawai2 kebaji-kan Haji dalam kapal terbang.

Mereka ia-lah Inspektor Haji Mohamed Ali bin Ali Akhbar dari Pulis Diraja Brunei, Awang Ahmad bin Arshad dan Pengiran Mohamed Yassin bin Pengiran Othman, kedua2-nya dari Jabatan Pen-yiaran dan Penerangan.

Sa-lain dari tugas mereka sa-bagai pegawai2 kebajikan Haji dalam kapal terbang, mereka juga akan menjaga urusan jema'ah2 Haji Brunei yang pergi dengan kapal laut semasa berada di-Mekah.

Sa-orang juruchakap bagi Jabatan Hal Ehwal Ugama bertaka, Jawatankuasa Pena-sehat Urusan Haji Negeri Brunei akan juga menghantar ti-ga orang wakil yang akan pergi bersama2 dengan jema'-ah2 haji Brunei ka-Mekah.

Tugas mereka ia-lah untuk memerhati dan memberi per-tolongan kebajikan kapada jema'ah2 haji semasa perja-lanan mereka dari Brunei ka-Mekah dan pulang serta juga sa-masa mereka berada di-Mekah.

Wakil2 itu ia-lah Yang

Amat Mulia Pengiran Laila Wijaya Pengiran Haji Yusof bin Pengiran Mohamed Lim-bang, Awang Haji Mohamed Kassim bin Haji Ahmad dan Yang Berhormat Orang Kaya Pekerma Indera Awang Jilly bin Ibrahim.

Sementara itu Kerajaan ju-ga akan menghantarkan tiga orang pegawai perubatan ke-Mekkah untuk memberikan bantuan2 perubatan kapada jema'ah Haji Brunei semasa menunaikan fardhu Haji.

Mereka ia-lah Dr. Johar bin Haji Noordin; Awang Hj. Sulaiman bin Ahmad dan Awang Haji Abdul Wahid bin Awang Besar.

Sa-orang juruchakap Jaba-tan Hal Ehwal Ugama berka-ta, tugas pegawai2 tersebut ia-lah untuk memberikan layan-an perubatan kapada jema'-ah2 haji itu.

Mereka akan berlepas ke-Jeddah dengan kapal terbang bulan depan bersama2 dengan jema'ah2 Haji yang lain.

Tahun2 sudah, kerajaan telah menghantarkan hanya satu rombongan pegawai2 perubatan tanpa sa-orang doktor untuk menjalankan tugas.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 22hb. November, 1972 hingga ka-hari Selasa 28hb. November, 1972 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Matahari Suboh Terbit
22hb. Nob.	12-12	3-31	6-09	7-24	4-38	4-53	6-10
23hb. Nob.	12-12	3-31	6-09	7-24	4-38	4-53	6-10
24hb. Nob.	12-12	3-31	6-09	7-24	4-38	4-53	6-10
25hb. Nob.	12-12	3-31	6-09	7-24	4-38	4-53	6-10
26hb. Nob.	12-13	3-32	6-10	7-25	4-39	4-54	6-12
27hb. Nob.	12-13	3-32	6-10	7-25	4-39	4-54	6-12
28hb. Nob.	12-13	3-32	6-10	7-25	4-39	4-54	6-12

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

(22hb. Nobember, 1972)

SUMBANGAN DERMAWAN YANG MENGALAKKAN

DALAM minggu ini telah timbul satu keadaan yang memang kita harapkan dalam mendukung tabung pembinaan Stadium yang pelancharan kutipan-nya telah di-mulakan berikutan dengan sabda D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan menerusi radio pada 23hb. September, 1972 yang lalu ia-itu mengambil sukut ulang tahun keputeraan Duli Yang Teramat Mulia itu.

Keadaan yang kita harapkan itu dan memang di-sanjong tinggi ia-lah berikutan dengan timbul-nya pernyataan yang tulus ikhlas dari satu keluarga adek-beradek yang menghulurkan derma untuk tabung pembinaan stadium tersebut dalam jumlah derma yang agak besar juga. Keluarga adek-beradek itu yang telah menderma sa-banyak \$5,555.55 ada-lah terdiri dari lima orang anak2 Allahyarham Pehin Jawatan Dalam Awang Haji Md. Yusof bin Pehin Udana Khatib Awang Haji Mohammad Daud.

Walau pun apa chara-nya derma itu di-buat baik dari harta peninggalan orang tua kita dan yang sa-umpama-nya, asalkan ia-nya di-hulurkan dengan penuh keikhlasan seperti mana yang di-lakukan oleh lima beradek itu, maka manfaat dan faedah-nya ada-lah memberikan arti yang tinggi nilai-nya. Nilai2 faedah dan manfaat-nya itu tidak pula terhad kepada penderma sahaja, tetapi ia-nya meliputi kepada faedah2 untuk pembangunan masyarakat yang di-salurkan melalui tabung pembinaan stadium tersebut. Di-samping itu juga, para penyelidik perkembangan dan kebudayaan akan dapat menjadikan-nya sa-bagai salah satu bahan kajian dalam mengukur ketepatan rayat negeri ini sa-bagai sa-buah negara yang bersutan dan maseh berpegang tegoh dalam konteks "memuchang2" di-segi kebudayaan-nya.

Sa-lah ini, ada-lah sukar bagi kita, walau pun kepada para penyelidik yang ingin memperkatakan perkembangan yang meliputi segala2-nya dalam negeri kita ini, kerana kurangnya bahan2 yang bersandar dari segi kenyataan-nya. Bila orang hendak memperkatakan "perpaduan raayat negeri ini", misal-nya, maka orang perlu mencari fakta2 yang cukup untuk memperkatakan apa-kah perpaduan itu memang wujud atau sebalik-nya.

Dengan melalui saloran tabung pembinaan stadium itu dan dengan timbul-nya kenyataan2 terhadap sokongan2-nya, maka ia-nya dapat membantu menguatkan dakwaan2 kita bahawa perpaduan itu sa-memangnya benar2 wujud. Pengujudan-nya itu pula ada-lah melingkungi ka-semua peringkat dan bangsa sama ada Melayu mahu pun China. Dan hari ini perpaduan itu di-kuatkan lagi dengan timbul-nya orang2 India di-Brunei yang juga dengan ikhlas telah menghulurkan derma untuk tabung itu sa-banyak lebih dari \$2,000.00.



Awang Salim bin Awang Damit.



Awang Salim memotong daging untuk di-buat satay.



Awang Salim kelihatan sedang 'menyuchok' satay dengan di-bantu oleh anak-nya, Abdul Karim.

TOKOH2 SATAY YANG TEKUN KETAATAN YANG MEMBAWA KEJAYAAN

SATAY memang sudat tidak asing lagi bagi kita. Ia bukan saja digemari oleh orang2 Melayu tetapi juga oleh bangsa2 lain. Sa-bagai salah satu jenis makanan yang di-gemari ramai ia bukan-lah merupakan makanan harian tetapi lebih merupakan makanan SAMPILAN, maksud-nya satay biasa-nya di-makan kalau ingin menukar selera apabila merasa jemu dengan makanan harian di-rumah. Satay juga menjadi hidangan di-majlis2 perjumpaan sosial seperti majlis2 perkahwinan, parti, majlis perpisahan dan lain2.

Satu perkara yang menarik perhatian tentang satay ini, samada satay daging kerbau, lembu, kambing atau ayam ia-lah ada-nya bahan2 lain di-makan bersama untuk menyedapkan lagi selera orang yang memakannya. Antara bahan2 yang penting ia-lah 'kuah satay', ketupat, timun dan bawang.

Berchakap tentang satay ini kami telah menemui dua orang tempatan yang terkenal dan sudah lama berkecimpung dalam perniagaan satay ini. Kepada peminat2 satay, nama2 seperti Awang Salim bin Awang Damit dan Awang Ahmad bin Ismail sudah tidak asing lagi bagi mereka. Boleh di-katakan hampir keseluruhan hidup mereka bekerja untuk satay sahaja.

Meninjau perjalanan perniagaan kedua2 orang 'tokoh satay' ini, terdapat banyak persamaan di-antara kedua2 mereka ini. Bagaimana pun satu perbezaan yang jelas ia-lah Awang Salim menjalankan perniagaan-nya di-satu kawasan tanah lapang berdekatan dengan kawasan BANDSTAD manakala Awang Ahmad pula menjalankan perniagaan-nya di-sabuh kedai yang di-sewa di-Jalan Sultan, Bandar Seri Begawan.

Awang Salim mula berniaga satay sa-belum Perang Dunia Kedua. Pada mula-nya beliau berniaga dengan menggunakan 'pikul' kemudian dengan menggunakan basikal. Sa-telah beberapa tahun Awang Salim mengubah chara perniagaan-nya. Beliau berniaga pula di-sabuh gerai di-belakang Panggong Boon Pang Baru dan akhir2 ini beliau berniaga di-kawasan BANDSTAND. Ketika memulakan perniagaan dulu Awang Salim telah menghadapi kesulitan2 terutama sekali masalah kewangan tetapi atas usaha dan minat yang mendalam untuk berniaga membolehkan beliau sanggup dan terdaya untuk meneruskan perniagaan. Sa-belum berniaga satay ini Awang Salim tidak ada bergiat dalam bidang atau kerja2 lain.

Sa-telah mengetahui sedikit sa-banyak chara2 membuat satay dan menjalankan perniagaan dan dengan penuh azam yang mereka boleh berniaga maka mereka pun membuka perniagaan sendiri walau pun modal mereka pada masa itu agak kecil. Keazaman dan kegigihan mereka ini ada-lah membanggakan dan patut menjadi contoh kepada orang lain untuk memulakan perniagaan.

Perniagaan mereka pada masa ini boleh di-katakan sungguh memuaskan dan sambutan orang ramai terhadap perniagaan mereka sungguh menggalakkan dan ini dengan sendiri-nya memberikan ganngan kepada mereka untuk terus berniaga. Ini dapat di-buktikan dengan tempahan2 yang di-terima dari orang ramai dari segala penekek terutama sekali untuk majlis2 perjumpaan sosial seperti majlis2 perkahwinan dan kenduri kendara.

Dalam menguruskan perniagaan sa-hari2, Awang Salim dan Awang Ahmad mengambil beberapa orang pekerja2 tempatan. Awang Ahmad mengambil 6 orang pekerja kebanyakannya terdiri daripada orang tempatan. Satu masalah yang di-hadapi oleh Awang Ahmad ia-lah pekerja2 yang di-gaji-nya kadang2 tidak tetap bekerja dengan beliau. Sa-lepas berkhidmat beberapa ketika mereka akan berhenti dan bekerja di-tempat lain. Tetapi Awang Salim hanya mengambil dua orang pekerja sahaja untuk membantu beliau berniaga. Beliau tidak menghadapi kesulitan seperti yang di-alami oleh Awang Ahmad

Awang Ahmad bin Ismail bergambar dengan orang gaji-nya, Awang Abas bin Damit di-hadapan gerai yang di-benanya sendiri di-kawasan yang di-khususkan oleh kerajaan di i - belakang mesjid lama. Gambar ini di-ambil dalam tahun 1936.



kerana pekerja2-nya itu ada-lah pekerja2 sambilan sahaja. Tenaga pekerja2 ini akan di-tambah jika beliau menerima banyak tempahan dari pehak2 tertentu.

Awang Ahmad memulakan perniagaan pada jam 7.00 pagi sahingga jam 8.00 atau 9.00 malam. Waktu berniaga ini bergantung kepada jumlah pelanggan2 yang datang untuk menjamu selera. Di-samping menjual satay, Awang Ahmad juga menjual soto. Kebanyakan dari kerja2 menyediakan zarang2 untuk jualan di-lakukan di-kedai seperti kerja2 memotong daging, 'menyuchok' dan membakar satay dan juga membuat 'kuah satay' sedangkan ketupat di-rebus di-rumah sa-belum di-bawa ke-kedai. Kedai Awang Ahmad dibuka untuk perniagaan pada tiap2 hari termasuk hari2 kelepasan awam. Perniagaan tidak di-jalankan sa-masa hari kebesaran orang2 Islam seperti Hari Raya Puasa dan Hari Raya Haji dan lain2. Di-pulan puasa beliau hanya berniaga di-sebelah petang. Pendapatan sa-lama bulan puasa boleh-lah di-katakan memuaskan jika di-kira dengan masa berniaga walau pun pendapatan ini tidak begitu selendang dengan masa2 biasa.

Awang Salim berniaga di-sabalah satu sahaja kerana beliau berniaga di-kawasan tanah lapang. Perniagaan di-mulakan kira2 jam 6.00 petang dan di-teruskan sahingga lebih kurang jam 9.00 atau 9.30 malam. Awang Salim hanya menjual satay sahaja. Bagi Awang Salim semua kerja2 memotong daging, 'menyuchok' satay, membuat 'kuah satay' dan merebus ketupat di-lakukan di-rumah sa-belum di-angkut ka-tempat penjualan. Kerja2 membakar satay di-buat di-tempat penjualan. Pada hari Ahad, Awang Salim berniaga di-

restaurant' kecil di-rumah beliau. Dalam bulan puasa beliau tidak menjalankan apa2 perniagaan kecuali kalau ada tempahan2 dari orang ramai. Seperti juga Awang Ahmad, Awang Salim tidak menjalankan perniagaan sa-masa hari2 kebesaran orang2 Islam seperti Hari Raya Puasa dan Hari Raya Haji.

Pada masa ini Awang Salim menghadapi masalah tempat berniaga, sama seperti yang di-alami oleh peniaga2 lain di-kawasan itu. Apa yang mendukachitak beliau ia-lah tentang kawasan itu yang tidak begitu sesuai terutama sekali sa-masa chuacha kurang baik. Ini dengan sendiri-nya perniagaan akan merosot.

Bagi Awang Ahmad pula tempat berniaga tidak menjadi masalah kerana beliau mempunyai sa-buah kedai yang di-sewa dengan bayaran yang sederhana.

Sa-bagai orang2 yang sudah lama berkecimpung dalam bidang perniagaan, kami mengemukakan satu persoalan penting kepada mereka, apa-kah faktor penting yang boleh membawa kejayaan sa-seorang itu. Awang Salim mengatakan "kita mesti-lah sabar dan tabah hati kerana berniaga ada kala-nya untung dan ada masa-nya tidak".

Dan Awang Ahmad pula mengatakan "mesti-lah taat kepada perniagaan".

Akhir sekali bila di-tanya apakah chita2 mereka mengenai masa hadapan perniagaan mereka, Awang Salim mengatakan beliau berchita2 meluaskan dan membesarkan perniagaan jika di-beri kawasan atau gerai yang sesuai. Dan Awang Ahmad pula berkata beliau hanya berchita2 untuk meneruskan perniagaan yang ada sekarang.



Awang Umar bin Awang Damit salah sa-orang pekerja sambilan yang di-gaji oleh Awang Salim kelihatan sedang melayan pelanggan yang datang menjamu selera (atas kiri).

Walau pun beliau menjadi 'taukey', tetapi Awang Ahmad juga mengerjakan persiapan untuk perniagaan beliau termasuk memenggang satay (atas kanan).



Anak lelaki Awang Salim, Abdul Karim sedang mengenalikan meshen pengisar kacang tanah (atas kanan).

Awang Ahmad ketika mengisar kacang tanah ia-itu salah satu bahan untuk di-gunakan bagi membuat kauh satay (atas kiri).

Awang Salim kelihatan sedang memenggang satay di-kawasan gerai-nya di-Bandstand, Jalan Residency (bawah kiri).

Semua kerja2 menyiapkan barang2 untuk perniagaan di-laksanakan sendiri oleh Awang Ahmad kecuali menganyam ketupat. Gambar atas menunjukkan isteri beliau ketika menganyam ketupat di-rumah-nya (bawah kanan).



KENYATAAN2 PEGAWAI PENGUASA WARITH NEGERI BRUNEI

SURAT KUASA PESAKA

No. 10/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Salat bin Jamudin, Kampong Salangan, Temburong, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Jamudin bin Akop yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 25 hari-bulan Norember, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 15 hari-bulan Norember, 1972.

SURAT KUASA PESAKA

No. 11/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Lumat bte. Kalali, Kampong Belaban, Temburong, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Amat bin Kusni yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 25 hari-bulan Norember, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-

lah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 15 hari-bulan Norember, 1972.

SURAT KUASA PESAKA

No. 107/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Abd. Latif bin A. Rahman, Kampong Lambak, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Awang Raman @ Abdul Rahman bin Md. Tarip @ Ag. Tarip yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 25 hari-bulan Norember, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 15 hari-bulan Norember, 1972.

SURAT KUASA PESAKA

No. 108/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Rafiah bte. Damit, Kampong Delima Satu, Jalan Muara, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Damit bin Kilong yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah

Bandar Seri Begawan pada 25 hari-bulan Norember, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 15 hari-bulan Norember, 1972.

SURAT KUASA PESAKA

No. 112/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Harun bin Abd. Samad, Kampong Salambigar, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Dato Seri Laila Hj. Samat bin Sahap yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 25 hari-bulan Norember, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 15 hari-bulan Norember, 1972.

SURAT KUASA PESAKA

No. 113/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Metali bin Othman, Batu 2, Jalan Tutong (Pulis Brunei) kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Nariah bte. Abang Sulaiman yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 25 hari-bulan Norember, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 15 hari-bulan Norember, 1972.

SURAT KUASA PESAKA

No. 114/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Johari bte. Kula, Kampong Orang Kaya Besar Imas, Berakas, Brunei kerana minta Su-

rat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Awang Ali bin Abdullah yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 25 hari-bulan Norember, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 15 hari-bulan Norember, 1972.

SURAT KUASA PESAKA

No. 115/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Jumat bin Haji Nayan, Kg. Bangkurong, Batu 6, Jalan Tutong, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Jambol bte. Jahidin yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 25 hari-bulan Norember, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 15 hari-bulan Norember, 1972.

SURAT KUASA PESAKA

No. 117/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Maksin @ Haji Saadi bin Awang Maksin @ Haji Saadi, No. 27, Kg. Sg. Kedayan 'A', Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Awang Maksin bin P. Penyurat Matserudin yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 25 hari-bulan Norember, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 15 hari-bulan Norember, 1972.

Johan peraduan bahath

TEMBURONG. — Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangar bahagian lelaki dan perempuan telah berjaya menjadi johan dalam peraduan bahath peringkat akhir sekolah2 rendah Melayu bagi Daerah Temburong.

Naib johan dalam kedua2 bahagian telah di-sandang oleh Sekolah Melayu Belais.

Penchalunan Ketua Kampong

(Dari Muka 2)

nya supaya memasuki berbagai pelajaran dewasa.

Penolong Pegawai Daerah Brunei/Muara Awang Yunos bin Haji Hussain kemudian-nya, telah membacakan shariat2 lantikan sa-bagai Ketua dan menerangkan shariat2 lain berhubung dengan penamaan chalon itu.

Sementara itu, penchalunan bagi jawatan Ketua Kampong Sungai Hanching yang di-jadualkan di-adakan di-sekolah Melayu Sungai Hanching pada hari itu telah ditangguhkan ke-satu tarikh yang akan di-umumkan kemudian.

Dengan kemenangan itu Sekolah Melayu Sultan Hassan akan mewakili Daerah Temburong dalam peraduan peringkat akhir yang akan di-adakan di-Bandar Seri Begawan dalam bulan hadapan.

Peraduan peringkat Daerah Temburong itu telah di-rasmikan oleh Pemangku Penyusun Latehan Kesenian, Awang Zaini bin Abdul Hamid dan beliau juga telah menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2.

**MENDERMA-LAH
KAPADA
TABONG
PEMBINAAN
STADIUM
SA-BERAPA
BANYAK
YANG BOLEH**

DAERAH TEMBURONG LANCHAR KUTIPAN DERMA UNTUK PEMBANAAN STADIUM

TEMBURONG. — Daerah Temburong akan melancarkan berbagai2 usaha kutipan derma dari orang-ramai untuk Tabong Pembinaan Stadium, demikian di-nyatakan oleh Awang Sidek bin Yahya selaku Pengerusi Jawatankuasa Tabong Pembinaan Stadium bagi penduduk2 Daerah Temburong kepada Setia Usaha Agong Jawatankuasa Tertinggi Tabong Pembinaan Stadium.

Awang Sidek menerangkan bahawa usaha2 yang sedang di-ranchang itu ia-lah mengadakan Pertunjukan Wayang Gambar, Malam Aneka Warna, Pasar Gembira, Jualan Barang2 dan mengedarkan Tabong Tertutup dan Surat Keliling.

Pertunjukan Wayang Gambar akan di-adakan tiga kali sa-bulan untuk sa-lama dua bulan dengan bayaran tiket \$1.00 dan 50 sen. Sa-tiap tayangan akan di-adakan di-Dewan Pekan Bangar dan tayangan pertama telah di-adakan pada 19hb. Nobember yang lalu.

Tabong Tertutup akan di-edarkan kepada orang-ramai pada sa-tiap keramaian seperti malam tayangan Wayang Gambar dan Malam Aneka Warna.

Awang Sidek sa-terus-nya menjelaskan bahawa usaha jualan barang2 dan pasar gembira juga akan di-adakan sekiranya keadaan mengizinkan. Surat keliling kepada semua penduduk Daerah Temburong mengenai usaha Tabong Pembinaan Stadium ini akan di-edarkan melalui Penghulu2, Ketua2 Kampong, Tuai2 Rumah Panjang dan Ketua2 Chawangan Jabatan Kerajaan.

1,246 masok pereksa Ugama dan Quran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bahagian Dewasa telah mendaftarkan sa-ramai 1,246 orang untuk menjalani peperiksaan Ugama dan membacha Quran seluruh negeri pada penghujung tahun ini.

Dari jumlah itu sa-ramai 200 orang akan mengambil peperiksaan Quran peringkat rendah dan menengah pada 24hb. Nobember ini mulai pam 2.00 petang. Peperiksaan itu akan di-adakan di-26 buah pusat peperiksaan.

Sa-ramai 1,046 orang lagi akan mengambil peperiksaan Ugama di-96 buah pusat peperiksaan. Peperiksaan peringkat rendah akan di-

jalankan pada 1hb. Disember dan peringkat menengah dan tertinggi akan di-jalankan pada 22hb. Disember dan 29hb. Disember. Semua peperiksaan itu di-mulai dari jam 2.00 petang hingga 5.00 petang.

Sementara itu, pendaftaran bagi pelajar2 baru Kelas2 Dewasa Ugama dan Quran sekarang boleh di-buat kepada Nazir Sekolah2 Ugama di-Daerah masing2.

Mulai tahun depan semua chuti penggal persekolahan kelas2 dewasa ugama dan Quran ada-lah mengikut chuti persekolahan di-sekolah2 Kerajaan yang lain.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

DI-JABATAN DAERAH TEMBURONG

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi jawatan2 kosong di-Jabatan Daerah, Temburong, Brunei.

1. JURU MESHIN TINGKAT I (1 kekosongan)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah lulus Darjah V Melayu dan mempunyai sekurang2-nya 3 tahun pengalaman dalam kerja2 mekanik dengan sa-sebuah workshop.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E 1-2 EB 3 — \$220x10-290/EB/300x10-350.

2. MANDOR (1 kekosongan)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

a) Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 20 dan 30 tahun.

b) Hendak-lah lulus sekurang2-nya Darjah V Sekolah Melayu.

c) Pemohon2 mesti-lah berkhidmat dengan Kerajaan sekurang2-nya sa-lama lima tahun.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F 2 EB 3 — \$200x5-215/EB/220x5-240.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan

bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 ba-

haru yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat dari 11hb. Disember, 1972.

SA-BAGAI PELATEH TEKNIK

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan kosong yang berikut di-Jabatan Talikom, Brunei.

1. PELATEH TEKNIK:
(10 kekosongan)

Kelayakan2:

a) Pemohon2 mesti-lah berumur antara 16 hingga 21 tahun.

b) Mesti-lah lulus Sijil Pelajaran Malaysia dengan mendapat kepujian dalam Ilmu Hisab, Fiziks dan Bahasa Inggeris atau pun lulus Sijil 'Am Pelajaran 'O' Level dalam Ilmu Hisab, Fiziks dan Bahasa Inggeris.

Chalun2 yang akan menduduki peperiksaan S.P.M. pada bulan Nobember-Disember 1972 dalam matapelajaran2 yang tersebut di-atas boleh-lah jua memohon tetapi mereka hanya akan di-terima sekiranya mereka men-chapai darjah kelulusan yang di-kehendaki.

Gaji:

Gaji permulaan sa-banyak

\$290.00 sa-bulan dalam sukatan gaji E 2-3 — (\$290 - 350).

Chadun2 yang berjaya akan di-beri lathan sa-lama dua tahun dalam kejuruteraan talikom di-Brunei dan sebarang laut. Sa-sudah berjaya menamatkan lathan ini chalun2 akan di-naikkan pangkat sa-bagai Pembantu Teknik dalam gaji D 3 EB 4 — \$410x20-510/EB/540x20-660 dengan gaji permulaan \$490.00 sa-bulan. Chalun2 yang tidak berjaya menamatkan lathan dua tahun ini akan di-benarkan terus berkhidmat dengan Kerajaan sa-bagai Pembantu Teknik dalam sukatan gaji D 2-3 EB 4 — \$290x15-380-410x20-510/EB/540x20-660 dengan gaji mengikut peratoran2 Kerajaan.

Pemohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada-nya tidak lewat dari 11hb. Disember, 1972.

SI-TUYU oleh: m. sallah ibrahim



Lebeh \$5,000 di-dermakan oleh warith2 Allahyarham Pehin Jawatan Dalam Haji Md. Yusof kapada Tabong Pembinaan Stadium

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-banyak \$5,555.55 telah di-dermakan atas nama Pehin Jawatan Dalam Awang Haji Mohammad Yusof bin Pehin Udana Khatib Awang Haji Mohammad Daud dan anak2 kapada tabong pembinaan stadium.

Wang itu telah di-serahkan oleh Awang Abdul Hamid bin Pehin Jawatan Dalam Awang Haji Md. Yusof kapada Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Udana Laila Awang Hussain selaku Pengerusi Jawatankuasa bagi Orang2 Persaorangan Pembinaan Stadium di-satu majlis rengkas di-bilek Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka pada pagi hari Isnin lepas.

Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Udana Laila Awang Hussain kemudian menyerahkan wang tersebut kapada Setia Usaha Agong Jawatankuasa Tertinggi Pembinaan Stadium, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Md. Jamil Al-Sufri.

Anak2 Allahyarham Pehin Jawatan Dalam Awang Haji Mohd. Yusof yang bermurah hati bersetuju mendermakan wang tersebut ia-lah terdiri dari Awang Haji Md. Taib, Dayang Siti Asiah, Awang Abdul Hamid, Awang Ahmad dan Dayang Noralam.

Setia Usaha Agong Jawatankuasa Tertinggi Pembinaan Stadium itu menguchapkan berbanyak2 terima kasih dan memberikan sa-tinggi2 penghargaan kapada Awang Abd. Hamid yang mewakili saudara2-nya yang telah mendermakan wang tersebut kapada tabong pembinaan stadium itu.

Setia Usaha Agong itu juga melahirkan keshukoran-nya kapada Tohan di-atas limpah kurnia-Nya membukakan hati hamba-nya yang telah bermurah hati bagi menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei.

Beliau berharap semoga derma atas nama Allahyarham Pehin Jawatan Dalam Awang Haji Md. Yusof yang lahir dari kata sepakat yang ikhlas dari warith2-nya itu

akan menjadi chuntoh tauladan kapada bakal penderma2 yang lain di-negeri ini.

Beliau menegaskan bahawa sikap yang demikian di-kalangan orang2 yang berada itu ada-lah perlu pada melichinkan pelaksanaan sa-suatu usaha yang berkebakikan yang semata2 untuk raayat negeri ini.

'Amal yang baik itu, katanya, neschaya akan menerima ganjaran yang baik juga.



Y.D.M. Pehin Orang Kaya Udana Laila Awang Hussain (tengah2) ketika menyerahkan wang tersebut kapada Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awg. Hj. Md. Jamil Al-Sufri. Di-sebelah kanan ia-lah Awang Abdul Hamid.

PERTIWI buka Sekolah Taman Asohan Kanak2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan PERTIWI telah membuka sa-buah sekolah taman asohan kanak2 sa-bagai satu projek tetap-nya.

Sekolah itu bertempat di-sabua rumah Kerajaan No. 47 A yang letak-nya di-Jalan Tasek Lama dan perkhidmatan-nya telah pun di-buka sejak 14hb. Oktober yang lalu.

Sa-orang juruchakap PERTIWI menyatakan bahawa sekolah itu pada mula-nya di-jalankan sa-chara persendirian oleh sa-orang ahli PERTIWI yang pada masa ini tidak lagi dapat mengusahakan-nya.

Memandang betapa perlu-nya sekolah itu di-sambong perkhidmatan-nya, maka Persatuan PERTIWI telah memutuskan mengambil alih dan meneruskan perkhidmatan itu.

Beliau menyatakan bahawa untuk melichinkan perkhidmatan sekolah itu, dua orang pekerja yang biasa mengusahakan taman asohan kanak2 itu, pada masa ini sedang menjalankan tugas mereka di-sekolah tersebut dan sa-orang lagi sedang menjalani latehan.

Menurut beliau bahawa sekolah itu di-buka pada tiap2 hari, kechuali hari Jumaat dan Ahad

serta hari2 kelepaan awam mulai pukul 7.30 pagi hingga 1.00 petang.

Kanak2 yang di-terima di-sekolah itu ia-lah kanak2 yang belum memasoki sa-barang sekolah yang berumur di-antara 3 hingga 5 tahun.

Waktu pendaftaran tidak di-hadkan tetapi mesti-lah pada awal bulan dan bayaran bagi sa-orang kanak2 akan di-kenakan sa-banyak \$30.00.

Bayaran itu ada-lah termasuk perbelanjaan minum pagi dan makanan ringan di-sebelah tengah hari serta berbagai kelengkapan sekolah.

Ibu bapa yang berhajat hendak menghantar anak2 mereka di-bawah umur lima tahun untuk belajar di-Sekolah Taman Asohan Kanak2 Pertiwi itu ada-lah di-alu2kan dan sa-boleh2-nya menghantar anak2 mereka itu pada awal bulan.

Lebeh \$2,000 dari orang2 India

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jawatankuasa Bagi Orang2 India Tabong Pembinaan Stadium telah dapat mengumpulkan kutip-

an wang sa-jumlah \$2,257.00 untuk di-dermakan kapada TABONG PEMBINAAN STADIUM, demikian di-nyatakan oleh Awg. Mohinder Singh, Pengerusi Jawatankuasa tersebut semalam.

Lawatan D.Y.M.M. ka-Ulu Belait

(Dari muka 1)

Sa-telah berhenti sa-lama kira2 sa-tengah jam, baginda dan rombongan serta pegawai2 yang lain kemudian-nya berangkat berjalan kaki sa-jauh empat batu ka-sebuah rumah panjang di-Kampung Rampayoh.

Di-rumah panjang tersebut, Baginda telah di-ra'ikan dengan persembahan2 ngajat dan di-hadiahkan satu chendera mata kain tenun.

Dari Kampung Rampayoh, baginda dan rombongan telah berangkat ka-Kuala Balai, di-mana satu kumpulan penduduk2 kampung sedang menunggu keberangkatan baginda.

Di-Balai Raya, Penghulu Orang Kaya Seri Ratna Awg. Matnoor bin Osman telah menyembahkan kapada baginda sa-bilah Parang Kajang.

Awang Mohinder Singh sa-terus-nya menyatakan bahawa jawatankuasa-nya sedang merancang kutipan jangka-panjang, dan beliau berharap orang2 India di-negeri ini akan menghulurkan derma sa-berapa banyak yang boleh kapada TABONG PEMBINAAN STADIUM.

Pada masa ini Jawatankuasa2 Pengutip Derma TABONG PEMBINAAN STADIUM sedang giat menjalankan projek masing2 di-seluruh negeri.

PEMBETULAN

SEDIKIT kesilapan telah terdapat dalam berita mengenai dengan sabda Y.A.M. Pg. Dipa Negara Pg. Momin sempena menyambut Hari Raya yang di-siarkan di-muka depan akhbar ini keluaran minggu lalu.

Ayat2 dalam para yang kelima itu hendak-lah di-bacha saperti berikut:

Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara mengulang kembali akan sabda D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan.....

Lulus pengajian tinggi

(Dari muka 1)

Awang Mohamed Alimin bin Abdul Wahab mendapat Serjana Muda bahagian 'am, Awang Abdullah bin Mudim Haji Bakar mendapat Serjana Sains dalam Kejuruteraan Elektrik, Awang Julaihi bin Abdul Kadir mendapat Serjana Sains dalam Ekonomi, Awang Ali Hashim bin Haji Daud dan Dayang Norsiah binte Haji Mohamed Daud masing2 mendapat Serjana Sains bahagian 'am.

Dayang Ong Git Ching yang telah lulus Serjana Sains Sociology juga telah mendapat Sijil Pelajaran dari Universiti Oxford London.

Empat orang Guru telah menamatkan kursus bahasa Inggeris, sa-orang menamatkan kursus Guru Besar dan Pentadbiran Sekolah, dua orang menamatkan kursus Pertukangan Tangan, sa-orang menamatkan kursus Pelajaran Latihan Jasmani dan sa-orang lagi telah menamatkan kursus mengenai Binatang2 Hidup (Presentation of Wild Life) dari Museum Glasgow, Scotland.

SOKONG-LAH TABONG PEMBINAAN STADIUM